

Kerajaan bijak tidak terburu-buru tandatangani FTA

UM- 9/3/2007

KUALA LUMPUR 8 Mac - Tun Musa Hitam lega kerana kerajaan Malaysia mengambil pendirian tidak terburu-buru untuk memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat (AS).



MUSA HITAM

Sambil menyifatkan keputusan Kabinet semalam untuk menangguhkan keputusan menandatangani FTA itu sebagai langkah bijak, bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata, kerajaan tidak seharusnya menjadikan tarikh tamat perkhidmatan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush sebagai sebab untuk menyegerakan perjanjian tersebut.

Menurutnya, keputusan kerajaan itu dilihat sangat penting serta membuktikan kerajaan sangat serius dan bertanggungjawab dalam memastikan kedaulatan negara dan kepentingan rakyat tidak terjejas.

Katanya, dalam setiap perundingan perdagangan adalah sesuatu yang biasa bagi setiap pihak yang terlibat dalam perundingan mahu menjaga kepentingan masing-masing.

"Amerika Syarikat tahu apa kehendak-kehendaknya dalam rundingan ini yang mungkin tidak dipersetujui oleh Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Malaysia juga sedar apa kehendak-kehendaknya yang mungkin tidak diterima oleh negara berkenaan.

"Oleh kerana masalah dan perbezaan pandangan itulah, maka perlu diadakan rundingan," katanya.

Jaminan

Musa menyatakan demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa kerajaan tidak akan menggadai kedaulatan negara dalam menandatangani FTA dengan AS.

Katanya, setiap perundingan perdagangan harus dilakukan dalam konteks 'menang-menang'.

Musa turut kagum dengan tindakan Kabinet membincangkan isu FTA itu secara mendalam dan membuat keputusan untuk menyambung perbincangan mengenai perkara itu pada mesyuarat Kabinet akan datang.

"Sangat jarang berlaku dalam sejarah pentadbiran negara Kabinet mengambil masa begitu panjang membahaskan sesuatu isu dan membuat keputusan untuk menyambung perbincangan mengenainya pada mesyuarat Kabinet akan datang.

"Ini menunjukkan kerajaan memang serius mahu menjaga kepentingan rakyat dan bertanggungjawab melindungi kedaulatan negara," tambah beliau.

Musa berkata, tindakan itu dibuat semata-mata untuk memastikan jika kerajaan bersetuju menandatangani FTA, ia akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, FTA dengan AS bukan sekadar melibatkan soal perdagangan tetapi juga meliputi semua peringkat masyarakat daripada golongan perniagaan sehingga kepada rakyat jelata.

"Kita membuat keputusan yang tepat tidak terburu-buru dan tidak mengejar tarikh akhir yang ditetapkan oleh AS untuk menandatangani FTA itu," katanya.